

**IKLAN JAWATAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN GRED N11 (KONTRAK)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan : Penolong Guru Tabika Perpaduan Gred N11 (Kontrak)
- 1.2 Gred Jawatan : N11
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- 1.4 Taraf Jawatan : **Kontrak**
- 1.5 Agensi : Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 1.6 Bilangan Kekosongan : Enam (6)
- 1.7 Tempat Kekosongan : Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

2. JADUAL GAJI GRED N11 : P1T1 RM1,216.00 – RM2,983.00

3. ELAUN :
Imbuan Tetap Perumahan (ITP) RM 300.00
Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) RM 95.00
Bantuan Sara Hidup (COLA) RM 300.00

4. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- 4.1 Terdiri daripada Warganegara Malaysia;
- 4.2 Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 4.3 Lulus peperiksaan PMR atau kelulusan setaraf dengannya dan kepujian dalam Bahasa Malaysia serta Tiga (3) matapelajaran yang lain dan lulus Matematik atau Bahasa Inggeris.
- 4.4 Keutamaan permohonan adalah bagi yang menetap di kawasan Lembah Klang. Permohonan dari luar kawasan Lembah Klang boleh dipertimbangkan.

5. DESKRIPSI TUGAS :

- 5.1 Bertanggungjawab menguruskan kebersihan dan keselesaan kelas.
- 5.2 Menguruskan akaun kelas, membantu tugas-tugas guru.
- 5.3 Mengurus makan/minum kanak-kanak tabika.
- 5.4 Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasatermasuk dalam urusan pelaksanaan aktiviti.

6. CARA MEMOHON :

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau boleh diperolehi dengan melayari laman web PERPADUAN di <http://www.perpaduan.gov.my>.
- 6.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Lantikan Dan Kenaikan Pangkat 2005.
- 6.3 Borang Permohonan berserta gambar terkini (berukuran passport) yang tidak dikembalikan dan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil Kelulusan Akademik, Sijil Berhenti Sekolah, Salinan Lesen Memandu sebagai dokumen tambahan serta dokumen sokongan yang berkaitan yang telah disahkan dan dihantar ke alamat seperti berikut :

Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 27, Menara TH Selborn
No.153, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 OKTOBER 2018

8. PANGGILAN TEMUDUGA

- 8.1 Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** :
 - a) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
 - b) tidak lengkap atau tidak terang
 - c) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
 - d) tidak menandatangani borang permohonan
 - e) tidak mengesahkan salinan dokumen yang disertakan
- 8.2 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Calon-calon yang tidak dihubungi selepas tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- 8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungan sendiri dan jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

Tarikh : 1 Oktober 2018